# NEWS CLIPPINGS



| | | |
|---|---|---|
| Headline | : | Lima kontraktor tempatan terima kontrak Petronas |
| Media | : | Berita Harian / Ekonomi |
| Day/Date | : | 17 January 2018 |
| Page | : | 22 |
| Links | : | |

**Petronas Carigali awards six contracts to six firms**

Five companies have been awarded contracts by Petronas Carigali Sdn Bhd (PCSB) to provide maintenance, construction and modification services at its offshore facilities in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The companies are Carimin Engineering Services Sdn Bhd, Dayang Enterprise Sdn Bhd, Deleum Primera Sdn Bhd, Petra Resources Sdn Bhd, Sapura Fabrication Sdn Bhd and its joint venture partner, Borneo Seaoffshore Engineering Sdn Bhd. These five companies will carry out engineering and maintenance services, which include topside major maintenance, as well as facilities improvement projects for a five-year period from September 2017, with an option to extend for an additional year.

In a separate announcement to Bursa yesterday (Jan 16), UMW O&G Corp Bhd said it had secured an umbrella contract from PCSB for the provision of hydraulic workover units (HWUs). It was awarded to its indirect wholly-owned unit UMW Workover Sdn Bhd. The contract is for three years from Dec 22, 2017 with an option to extend one year. It calls for the use of all or any UMW Gait 1, 2, 3, 5 and 6 to undertake workover services, which are services rendered in performing maintenance and/or remedial treatments on an O&G well.



## Lima kontraktor tempatan terima kontrak PETRONAS

**PETRONAS** Carigali Sdn Bhd (PCSB), menganugerahkan kontrak bagi perkhidmatan penyelenggaraan, pembinaan dan pengubahsuaian (MCM) di kemudahan luar pesisirnya di Semenanjung, Sabah dan Sarawak kepada lima kontraktor tempatan.

Dalam kenyataan, PCSB kontraktor terbabit adalah Carimin Engineering Services Sdn Bhd, Dayang Enterprise Sdn Bhd, Deleum Primera Sdn Bhd, Petra Resources Sdn Bhd, Sapura Fabrication Sdn Bhd dan rakan usaha samanya, Borneo Seaoffshore Engineering Sdn Bhd.

"Lima kontraktor tempatan itu dipilih bagi kontrak selama tempoh lima tahun berkuat kuasa pada September tahun lalu, dengan pilihan lanjutan satu tahun tambahan," kata PCSB.

Di bawah terma kontrak berkenaan, perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan akan termasuk Penyelenggaraan Utama (TMM) dan Projek Penambahbaikan Kemudahan (FIP).

**Galak kerjasama**

Naib Presiden Pengeluaran, Pembangunan dan Aset Malaysia PETRONAS merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PCSB, Mohd Jukris Abdul Wahab, berkata keperluan baharu diperkenalkan untuk menggalakkan kerjasama di rantaian bekalan industri.

"Kontrak ini merangkumi keperluan seperti penggunaan kapal marin daripada syarikat milik rakyat Malaysia sahaja dan penyertaan mandatori sebanyak 20 peratus penyedia perkhidmatan negeri tempatan untuk menggalakkan perkhidmatan dengan nilai tambah yang memastikan pertumbuhan dalam industri perkhidmatan huluan minyak dan gas Malaysia," katanya.

Dengan 200 platform luar pesisir beroperasi di bawah PCSB di Malaysia, PETRONAS terus menggalakkan penyertaan berasaskan merit daripada kontraktor tempatan untuk mencapai pertumbuhan pengeluaran yang dipacu nilai bagi kemajuan jangka panjang serta kemampanan industri minyak dan gas. BERNAMA

**Fakta nombor**

200 PLATFORM
luar pesisir operasi
di bawah PCSB
di Malaysia